

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB. TUAN MANIVANAN A/L
GOWINDASAMY**

KAWASAN : KAPAR

SOALAN:

YB. TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY (KAPAR) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah rasional tidak menyokong permohonan tanah bagi pembinaan kuil di atas Lot 5151, Jalan Tambahan, Seksyen 7, Kuarters JKR, Pekan Meru, Mukim Kapar, Selangor setelah mengetahui bahawa kewujudan kuil tersebut hampir 110 tahun dan kuil tersebut telah didaftar dengan Pejabat Pendaftaran Pertubuhan pada 2 Mei 1978.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanah di Lot 5151, Pekan Meru, Mukim Kapar, Klang ialah tanah di bawah kawalan Kementerian Kerja Raya. Tujuan asal kegunaan tanah tersebut ialah untuk membina kuarters kakitangan JKR Daerah Klang. Walau bagaimanapun pada masa kini ia digunakan sebagai pejabat dan tempat simpanan barang pentadbiran JKR Daerah Klang. Setakat ini kementerian ini tidak berhasrat untuk mengubah status kegunaan lot tanah tersebut, iaitu sebagaimana terkandung dalam warta bil. 3165/1914 yang menetapkan ‘to be a reserve for the purpose of Government Building-to wit, Cooly Lines, to be maintained by the officer for the time being holding the appointment of State Engineer, Selangor’.

Sekian. Terima kasih.